



**STATUS INISIATIF PELAKSANAAN
PROJEK *GREEN NAVY*
PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN)**

Inisiatif	Projek	Sasaran	Status	Pelan Tindak	Catatan
Kecekapan Tenaga	P1. Penggunaan Lampu LED	Penggunaan Lampu LED di seluruh pangkalan (2023-2026)	70% (P1A1-A3 selesai)	<p>P1A1. Mengenal pasti lokasi pemasangan</p> <p>P1A2. Mendapatkan kelulusan kewangan</p> <p>P1A3. Melaksanakan perolehan Lampu LED</p> <p>P1A4. Melaksanakan pemasangan Lampu LED</p> <p>P1A5. Mewujudkan zon tanggungjawab</p> <p>P1A6. Melaporkan status perkembangan projek semasa kepada Pengurusan Atasan</p>	<p>1. Mencapai sehingga 70% bagi kerja-kerja pemasangan lampu LED di semua pejabat.</p> <p>2. Pemasangan Lampu LED fasa kedua melibatkan lampu jalan dan bangunan penginapan di dalam pangkalan yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2025.</p>
ICT Hijau	P2. Sistem DDMS	Pelaksanaan rekod dan dokumentasi menggunakan Sistem DDMS sepenuhnya (2023-2025)	100% (P2A1-A6 selesai)	<p>P2A1. Mengenal pasti keupayaan penggunaan Sistem DDMS</p> <p>P2A2. Melaksanakan perolehan Sistem DDMS</p> <p>P2A3. Melaksanakan pemasangan Sistem DDMS</p> <p>P2A4. Melaksanakan Kursus Pengendalian Sistem DDMS</p> <p>P2A5. Menggunakan sepenuhnya Sistem DDMS bagi rekod dan dokumentasi</p> <p>P2A6. Melaporkan status perkembangan projek semasa kepada Pengurusan Atasan</p>	<p>1. DDMS telah digunakan sepenuhnya untuk urusan pentadbiran markas.</p>

Inisiatif	Projek	Sasaran	Status	Pelan Tindak	Catatan
Pengurusan Sisa	P3. Penggunaan kertas carta lama/rosak	Mengoptimum penggunaan kertas yang tidak digunakan bagi menghasilkan produk bermanfaat seperti beg goodies, buku nota dan cenderahati	100% (P3A1-A3 selesai)	P3A1. Mengenal pasti kertas carta lama dan rosak P3A2. Menghasilkan beg goodies, buku nota dan cenderahati P3A3. Memaklumkan perkembangan semasa kepada Pengurusan Atasan	1. Penggunaan kertas carta lama dan rosak bagi menghasilkan beg goodies, buku nota dan cenderahati telah dilaksanakan secara berterusan sejak tahun 2018.
Penghijauan Pangkalan	P4. Laluan Hijau	Penanaman 1500 pokok sekitar perimeter pangkalan (2020-2025)	100% (P4A1-A7 selesai)	P4A1. Mengenal pasti kawasan bersesuaian P4A2. Mendapatkan kelulusan kewangan P4A3. Melaksanakan perolehan anak pokok P4A4. Melaksanakan penanaman pokok P4A5. Mendaftar pokok-pokok sebagai aset hidup P4A6. Mewujudkan zon tanggungjawab P4A7. Melaporkan status perkembangan projek semasa kepada Pengurusan Atasan	1. Sebanyak 1619 pokok telah ditanam di dalam pangkalan dan telah melebihi sasaran.

Pelan Green Navy 2018 – 2030 merupakan salah satu usaha Tentera Laut Diraja Malaysia ke arah menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara yang memfokuskan kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar seterusnya meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Pelan *Green Navy* merupakan satu garis panduan yang digunakan dalam memastikan pelaksanaan program yang menyokong kepada Dasar Teknologi Hijau Negara secara efektif, efisien dan bersistematik.

